

Program RETREAT/MPP 2010/2011 DI PULAU TOBA, LANGKAWI

Oleh: En. Mohamad Hafiz Bin Mohamad Shokri


Pulau Tuba Langkawi, 7 Oktober 2011 - Tempoh perkhidmatan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2010/2011 UniMAP telah genap 8 bulan berkhidmat. Terdapat pelbagai program yang telah dianjurkan oleh mereka dalam merencanakan pembangunan dan peningkatan prestasi pelajar - pelajar UniMAP dalam penganjuran beberapa program yang telah dianjurkan. Seramai 27 orang daripada 31 orang telah hadir bagi menghadiri program Retreat MPP UniMAP. Empat orang daripada ahli MPP tidak dapat hadir adalah atas sebab dan alasan yang tertentu.

Tujuan utama program ini diadakan ialah untuk mengumpulkan kembali barisan kepimpinan MPP supaya dapat membincangkan atau "Postmortem" program yang telah mereka lakukan sepanjang perkhidmatan menjadi pemimpin pelajar sejak diwatikah sebagai Majlis Perwakilan Pelajar pada bulan March yang lepas.

Program ini juga adalah bertujuan untuk merancang kembali program - program anjuran MPP yang akan datang dan mendatangkan impak yang besar kepada pembangunan seluruh pelajar UniMAP yang lain. Antara pengisian program ialah ceramah yang disampaikan oleh En. Razli B. Ahmad Penolong Naib Canselor dan kemudiannya mereka dipecahkan kepada beberapa kumpulan yang akan membincangkan SWOT analisis. Kemudian dengan menggunakan kaedah Blue Ocean Strategi iaitu ERIC, perancangan aktiviti akan datang akan dimantapkan dengan dan perbincangan.

Di hari akhir program, barisan kepimpinan MPP telahpun berjaya mendaraskan beberapa perancangan program yang akan dilakukan untuk masa hadapan melalui setiap Exco - Exco yang telah dilantik.

Secara kesimpulannya, program yang telah dijalankan ini telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, semangat dan hubungan silaturrahim sesama MPP telah berjaya dipertingkatkan dalam usaha untuk membentuk Ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang betul - betul mantap dan sama - sama menjaya misi dan visi Universiti Malaysia Perlis.



beberapa strategi

